

17 JANUARI 2018

**Ambil iktibar kes Farid**

>> Forum dihadiri 200 wakil pelbagai agensi kerajaan, universiti dan badan bukan kerajaan

17-01-20

setempat 71

HARIAN METRO

Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my

# Ambil iktibar kes Farid

■ AADK mahu semua artis tempatan terbabit kerja antidadah

**Kajang**

Persatuan artis perlu mengadakan program kesedaran dadah dengan lebih kerap mem-babitkan semua artis di ne-gara ini walaupun dalam kalangan mereka yang tidak pernah 'dikenali' dalam penyalahgunaan dadah.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin berkata, program ter-babit sudah bermula dengan Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) namun perlu le-bih diperkasakan selain di-perluaskan kepada lebih ra-mai artis.

Menurut beliau, program pencegahan yang mewu-judkan kesedaran bahawa dadah tidak boleh dianggap remeh kerana boleh ber-laku kepada sesiapa saja termasuk golongan tum-puan masyarakat seperti artis.

"Dengan bukti yang ber-laku hari ni (kes dadah Da-tuk Farid Kamil Zahari), kami harap semua pihak mengambil iktibar dan me-mainkan peranan mengikut kemampuan masing-ma-sing termasuk tampil kepa-da AADK berdiri sebaris membanteras dadah.

"Kita tahu ramai sebenar-nya (artis) terbabit (dadah) sama ada secara agresif atau tidak namun tidak boleh mendedahkannya," kata-nya.



DR Abd Halim (dua dari kanan) bersama penceramah jemputan Prof Peter Reuter (dua dari kiri) pada Program International Drug Talk Series High Level Stakeholders Discussion on Drugs Policy.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Pro-gram International Drug Talk Series High Level Stakeholders Discussion on Drugs Policy di

Ibu Pejabat AADK di sini se-malam. Forum taklimat dan sesi soal jawab itu diketuai pa-kar pembuat dasar dan

analisis dadah antarabang-sa merangkap profesor di Sekolah Dasar Awam dan Jabatan Kriminologi Uni-versity of Maryland, Ame-

rika Syarikat, Prof Peter Reuter.

Mengulas lanjut, Dr Abd Halim berkata, isu penggu-naan dadah dalam kalangan

“ Kita tahu ramai sebenarnya (artis) terbabit (dadah) sama ada secara agresif atau tidak, namun tidak boleh mendedahkannya”  
Dr Abd Halim Mohd Hussin

artis di Malaysia bukan per-kara baru terutama mem-babitkan artis popular.

"Saya tak mahu menyebut nama secara rambang ke-rana mereka bukan artis yang pernah dikenali de-ngan isu dadah seperti mana yang kita ketahui memba-bitkan sesetengah artis.

"Untuk pertahankan ke-dudukan popular itu, me-reka mendakwa perlukan sesuatu yang lain dan tanpa disedari berpotensi (ber-gantung kepada dadah) jika artis itu tidak kuat," kata-nya.

Forum semalam dihadiri 200 wakil pelbagai agensi kerajaan, universiti dan ba-dan bukan kerajaan dalam rangka kerja Dasar Dadah Kebangsaan untuk mening-katkan kesedaran mengenai situasi semasa dalam polisi dan dasar dadah di peringkat antarabangsa.